

PEMBUNUHAN KAPTAN LLOYD, PENGUSA DINDING 1878*

Oleh

ABDULLAH ZAKARIA B. GHAZALI

KAPTAN Lloyd, Pengusa Dinding dibunuh oleh sekumpulan orang Cina pada

* Tulisan ini didasarkan kepada kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada Sabtu 22hb September, 1979. Saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Saudara Hamzah bin Hussin yang banyak membantu saya dalam penyelidikan ini. Juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada Perpustakaan Universiti Malaya dan kakitangannya kerana kerjasama yang diberikan semasa penyelidikan ini dijalankan. Di sini juga ingin saya menarik perhatian bahawa nama-nama dan ejaan (terutamanya nama-nama orang China) saya dasarkan catitkan dari rekod-rekod resmi British.

1 Dinding di bawah naungan Kerajaan Inggeris (sila lihat Perjanjian Pangkor, *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, No. 1, July 1966. Lihat juga E. Sadka. *The Protected Malay States 1876–1895*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970 hal. 48). Dinding dipindahkan oleh Perak kepada Negeri-Negeri Selat dalam tahun 1886; dan seterusnya dipindahkan kembali kepada Perak dalam tahun 1935. (E. Sadka, hal. 2. Tentang Perjanjian Pangkor ini ada dibincangkan oleh R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hal. 100–105. Juga F. Swettenham, *British Malaya*, London, 1929, hal. 176). Kedudukan Dinding ini diakui oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat William F. Robinson. (C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 30hb Oktober 1878). A.E.H. Anson, Leftenan Gabenor Pulau Pinang pernah membuat cadangan supaya Dinding diletakkan di bawah pentadbiran Pulau Pinang diletakkan di bawah pentadbiran Penolong Setiausaha Pejabat Inggeris di Pulau Pinang. (C.O. 273/96, "Extract from the Minutes by the Lieutenant Governor of Penang, 22nd May 1875"). Cadangan ini tidak disetujui oleh C.J. Irving, Penolong Setiausaha Kolonial di Singapura. C.J. Irving mengesyorkan Dinding diletakkan di bawah pentadbiran Perak. (C.O. 273/97, C.J. Irving kepada William Jervois, 3hb Jun 1875). Cadangan C.J. Irving ditimbangkan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir William Jervois. (C.O. 273/96, Catitan William Jervois, 3hb Jun 1875). William Jervois kemudiannya mengambil keputusan meletakkan Dinding di bawah Residen British Perak, J.W.W. Birch, (C.O. 273/96, Catitan William Jervois, 8hb Oktober 1875), dan segala catitan kira-kira perbelanjaan dan hasil dibuat berasingan dari Perak. (C.O. 273/96, C.J. Irving kepada Residen British Perak (J.W.W. Birch), 13hb Oktober 1875. Lihat juga C.O. 273/96, C.J. Irving kepada Leftenan Gabenor Pulau Pinang, 23hb Oktober 1875). Penyerahan ini dibuat dalam bulan Oktober 1875. Selepas pembunuhan J.W.W. Birch pada 2hb November 1875, Dinding diletakkan di bawah pentadbiran Leftenan Gabenor, Pulau Pinang dari bulan Februari 1876 hingga Februari 1877. Kemudiannya Sir William Jervois meletakkan Dinding di bawah pentadbiran Hugh Low, Residen British Perak. (C.O. 273/96, "The Government of Dinding Territory"). Dalam tahun 1876, hasil tahunan Dinding dianggarkan \$5,000. Hasil ini didapat dari balak, kapor, damar, getah perca, perikanan dan candu. (C.O. 273/96, "Memo by Mr. Swettenham, 23rd September 1876"). Segala pungutan cukai dikendalikan oleh Perak. Hasil ini digunakan bagi membayar gaji kepada Pengusa Dinding dan beberapa orang mata-mata yang bertugas di sini. (C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 30hb Oktober 1878). Jajahan Dinding ditadbirkan oleh seorang pegawai yang bergelar Pengusa Dinding dan tinggal di Pulau Pangkor. (C.O. 273/96, Laporan William Jervois, 13hb Oktober 1877. Lihat juga C.O. 273/96, "Memo by Mr. Swettenham, 23rd September 1876"). Walaupun Dinding di bawah pentadbiran Perak tetapi hakikatnya Dinding adalah jajahan British. (C.O. 273/96, Laporan William Jervois, 13hb Februari 1877. Lihat juga C.O. 273/96, "Memo by Mr. Swettenham, 23rd September 1876"). Keamanan dan keselamatan Dinding dikawali oleh

awal pagi, hari Sabtu 26hb Oktober 1878.² Pembunuhan pula dirancangkan.³ Tentang Kaptan Lloyd ini dua persoalan boleh ditimbulkan iaitu sama ada ia berpunca dari motif rompakan⁴ atau mempunyai motif politik.⁵

Sebelum menyandang jawatan Penguasa Dinding, Kaptan Lloyd pernah bertugas sebagai *Deputy Master Singapore* dan *Pengurus Tanjung Pagar Dock Company*.⁶ Sebagai Penguasa Dinding, Kaptan Lloyd berkuasa dalam hal-hal kehakiman, pungutan cukai dan sebagai Ketua Polis. Juga meneliti hak milik tanah dan membuat laporan, terutamanya tentang pemberian hak milik tanah. Juga akan menjalankan tugas menyekat penyeludupan candu; akan melantik seorang mata-mata gelap Melayu untuk membantunya dalam perkara ini. Penguasa juga bertanggung-jawab bagi meninggikan hasil negeri.⁷

Rancangan dibuat kerana dua orang Teochew menyerang rumah Kaptan Lloyd dikendalikan oleh Koh Ah See dan Tan Ah Teck. Koh Ah See dan Tan Ah Teck mengumpulkan orang-orangnya: Tan Ah Yong, Tan Ah Kong, Chuah Teng See, Teoh Ah Soh, Tan Ah Gay, Goh Neoh Poh, Goh Neoh Pee, Tan Ah Pow, Tang Ah Wong, Tan Ah Boon, Ah Tuah dan Koh Ah Seow, untuk ke Pangkor. Selain dari mereka ini terdapat beberapa orang lain yang datang dari Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Mereka menaiki tongkang menuju ke Pangkor dan tiba pada 25hb Oktober 1878, pukul 12.00 tengah malam. Apabila tiba di sini empat orang mendarat dengan perahu manakala lapan orang lagi tinggal di tongkang. Mereka mendarat kira-kira seratus tujuh puluh kaki dengan rumah Kaptan Lloyd. Dari sini mereka menuju ke *barrack* polis untuk menahan sebarang kemungkinan tindakbalas dari polis⁸

Pada hari Sabtu 26hb Oktober 1878, pukul 1.30 pagi⁹ mereka menuju ke

dua belas orang mata-mata dan diketuai oleh seorang Sarjan (C.O. 273/96, Pelindong Orang China kepada Pemangku Penguasa Polis Pulau Pinang, 1hb November 1878).

- 2 C.O. 273/96, Haji Mohamed Akib kepada A.E.H. Anson, 26hb Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878.
- 3 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada W.F. Robinson, 2hb November 1878; C.O. 273/96, Pelindong Orang China kepada Penguasa Polis Pulau Piang, 1hb November 1878.
- 4 Emily Innes, *The Chersonese with the Gilding Off*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hal. 97–123. C.O. 273/96, Hugh Low kepada W.F. Robinson, 1hb November 1878.
- 5 W. Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, Oxford University Press, London, 1969, hal. 210.
- 6 C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 30hb Oktober 1878
- 7 C.O. 273/96, Laporan William Jervois, 13hb Februari 1877. Lihat juga C.O. 273/96, "Memo by Mr. Swettenham, 23rd September 1876.
- 8 C.O. 273/96, Kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878.
- 9 C.O. 273/96, Haji Mohamed Akib kepada A.E.H. Anson, 26hb Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878.

rumah kediaman Kaptan Lloyd. Kemudiannya diikuti oleh beberapa das tembakan oleh beberapa orang Cina yang menghala ke rumah Kaptan Lloyd itu.¹⁰ Mereka memasuki rumah Kaptan Lloyd melalui pintu depan.¹¹ Di antara yang mara ke rumah Kaptan Lloyd ialah Tan Ah Gay, Kok Ah See dan Tan Keat Seng. Dalam perjalanan ini mereka nampak seorang mata-mata gelap sedang tidur, dan kemudian bangkit terus melarikan diri.¹² Beberapa das tembakan adalah amaran kepada sesiapa yang ada di sekitar supaya jangan campurtangan dalam urusan mereka. Dengan itu Kaptan Lloyd bangkit dari katilnya, menuju ke tingkap dan memanggil polis yang mengawal meminta bantuan,¹³ tetapi tidak ada jawapan. Dalam pada itu, beberapa orang Cina telah menghampiri pintu rumah Kaptan Lloyd. Tan Ah Teck memecah pintu itu dengan tukul (hammer) dan dia memasuki rumah Kaptan Lloyd.¹⁴ Kaptan Lloyd lari menuju ke pintu. Ketika ini beliau dipukul dengan tukul¹⁵ dari belakang oleh Tan Ah Teck dan jatuh. Kemudiannya Koh Ah Seow menikam dengan *pronged fork*.¹⁶ Isteri Kaptan Lloyd keluar daripada biliknya menghampir Kaptan Lloyd. Ketika ini Goh Neoh Poh, Goh Neoh Pee dan Tay Kay Fong memukul dan menikam isteri Kaptan Lloyd.¹⁷

Pembantu Kaptan Lloyd, Kulee Mootoo dan isterinya serta Lim Yean Iari meninggalkan rumah ini.¹⁸ Anak Kaptan Lloyd diselamatkan oleh pembantunya ke dalam hutan.¹⁹ Dalam pada itu Emily Anne,²⁰ isteri James Innes yang ada sama dalam rumah Kaptan Lloyd juga bangkit dari tidurnya apabila mendengar

10 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878.

11 C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878.

12 C.O. 273/96, Kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878.

13 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878, C.O. 273/96, Kenyataan Kulee Mootoo, 27hb Oktober 1878. Kulee Mootoo dan isterinya Musdai bekerja dengan Kaptan Lloyd. Lihat C.O. 273/96, kenyataan Musdai, 27hb Oktober 1878.

14 C.O. 273/96, kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878.

15 Bukan dengan *hatchet* seperti yang dicatatkan dalam C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878.

16 Bukan dengan lembing nibung seperti yang dicatatkan dalam C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878.

17 C.O. 273/96, kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878. Kalau didasarkan C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878, isteri Kaptan Lloyd diserang diatas katilnya, tetapi beliau sempat merangkak dari katilnya menuju dan menciumi Kaptan Lloyd di lantai.

18 C.O. 273/96, kenyataan Musdai, 27hb Oktober 1878.

19 W. Blythe, *op. cit.*, hal. 252.

20 Emily Anne tiba di rumah Kaptan Lloyd pada 22hb Oktober 1878. (C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878; C.O. 273/98, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878). Manakala Haji Mohamed Akib mencatatkan Emily Anne tiba di rumah Kaptan Lloyd pada 21hb Oktober 1878 dari Durian Sebatang. (C.O. 273/96, Haji Mohamed Akib kepada A.E.H. Anson, 26hb Oktober 1878).

suara bising tembakan.²¹ Beliau seterusnya memanggil Kaptan Lloyd tetapi tidak ada jawapan. Dengan itu Emily Anne berpendapat bahawa Kaptan Lloyd sudah mati. Emily Anne naik di atas meja²² dan mengitip bilik Kaptan Lloyd, dan beliau dapati dua orang China²³ duduk berlutut sedang membuka peti dan mengeledah bilik. Emily Anne mara ke pintu, dan tiba-tiba seorang China memukul Emily Anne di kepala.²⁴ Akibat pukulan ini Emily Anne tidak sedarkan diri.²⁵ Kemudiannya Emily Anne ditikam dengan *pronged fork*.²⁶ Emily Anne yang tidak sedarkan diri itu dibawa oleh beberapa orang China dan diletakkan di bawah katil Kaptan Lloyd.²⁷ Setelah sedar dari pengsan Emily Anne mendengar suara dalam bahasa Melayu "Tuan Kaptan Lloyd sudah mati".²⁸ Barangkali mereka menggunakan bahasa Melayu supaya timbul sangkaan bahawa serangan ini dilakukan oleh orang-orang Melayu. Orang-orang China kemudiannya meninggalkan rumah Kaptan Lloyd. Sebelum meninggal rumah itu, mereka cuba membakar rumah kediaman Kaptan Lloyd tetapi dapat dipadamkan oleh Penghulu Haji Muhammad Akib yang tiba di situ.²⁹ Orang-orang China ini mempercayai Emily Anne, Kaptan Lloyd dan isteri telah mati. Oleh itu tujuan membakar rumah ini supaya ketiga-tiga, Emily Anne, Kaptan Lloyd dan isterinya sama-sama terbakar dengan rumah itu.³⁰ Perkakas rumah dipecahkan.³¹

Orang-orang China yang menyerang rumah Kaptan Lloyd telah mengambil

- 21 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/96, H.C.E. Ommaney, Pemangku Penguasa Polis Pulau Pinang kepada A.E.H. Anson, 28hb Oktober 1878, terlampir kenyataan Emily Anne. C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878. Juga lihat Emily Innes, *op. cit.*, hal. 97.
- 22 C.O. 273/96, H.C.E. Ommaney, Pemangku Penguasa Polis Pulau Pinang kepada A.E.H. Anson, 28hb Oktober 1878, terlampir, kenyataan Emily Anne. Lihat juga C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878.
- 23 *Ibid.* Lihat juga C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial 28hb Oktober 1878. Juga Emily Innes, *op. cit.*, hal. 98.
- 24 Emily Innes, hal. 99.
- 25 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878. Juga lihat C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878.
- 26 C.O. 273/96, kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878.
- 27 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878. C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878. C.O. 273/96, kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878.
- 28 C.O. 273/96, H.C.E. Ommaney, Pemangku Penguasa Polis Pulau Pinang kepada A.E.H. Anson, 28hb Oktober 1878. C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878.
- 29 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878. C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878. C.O. 273/96, H.C.E. Ommaney, Pemangku Penguasa Polis Pulau Pinang kepada A.E.H. Anson, 28hb Oktober 1878, terlampir kenyataan Emily Anne. Lihat juga W. Blythe, *op. cit.*, hal. 252.
- 30 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878. C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878.
- 31 C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878.

sebahagian daripada peluru yang ada di dalam rumah Kaptan Lloyd.³² Mereka juga mengambil jumlah tertentu wang dalam rumah Kaptan Lloyd; barang-barang seperti jam tangan, rantai dan subang. Tan Ah Teck telah merosakan piano.³³ Wang yang diambil dari peti berjumlah \$604.42.³⁴

Ketika serangan dibuat ke atas rumah Kaptan Lloyd hanya seorang polis sahaja mengawal; tujuh orang tinggal di barrack polis dan empat orang ke Utara Pangkor untuk mendapatkan kayu. Pengawal yang bertugas melaporkan bahawa ia melepaskan lima das tembakan ke atas orang-orang China yang menyerang rumah Kaptan Lloyd.³⁵ Lapan orang dari kumpulan yang menyerang Kaptan Lloyd pulang ke Pulau Pinang dengan tongkang; manakala empat belas orang lagi ke Matang, Larut dengan sampan.³⁶

Penghulu Haji Muhammad Akib menasihatkan Emily Anne pulang ke Durian Sebatang menemui suaminya James Innes, Penguasa Durian Sebatang.³⁷ Dengan itu beliau bertolak dan berjumpa "Phya Peket" di bawah Kaptan Joyce. Kaptan Joyce mengambil Emily Anne dan diletakkan di dalam bilik "Phya Peket". Di sini Emily Anne menerangkan kepada Kaptan Joyce tentang peristiwa di rumah Kaptan Lloyd. Kaptan Joyce menghantar laporan ini kepada James Innes. "Phya Peket" seterusnya ke Pangkor dan tiba pada pukul 12.00 tengah hari. Di sini Penghulu Haji Muhammad Akib melaporkan kepada Kaptan Joyce bahawa Kaptan Lloyd dibunuhi dan isterinya cedera parah.³⁸

Tidak adanya tindakbalas polis di Pangkor dianggap pengecut oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, W.F. Robinson, Pasukan Polis di Pangkor ini bukan daripada Pasukan Polis Perak tetapi mereka ini dipilih oleh Kaptan Lloyd sendiri. Disebabkan pasukan polis Pangkor bersikap demikian maka W.F. Robinson menegaskan bahawa polis Pangkor akan diberhentikan setelah perbicaraan dijalankan ke atas mereka di Pulau Pinang nanti.³⁹

Arahan diberikan kepada Penguasa Polis dan Pelindong Orang China (Protector of Chinese) di Pulau Pinang supaya segera ke Dinding dengan beberapa orang menyiasati pembunuhan Kaptan Lloyd. Arahan juga diberikan kepada Residen

32 Ibid

33 C.O. 273/96, kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878. Lihat juga C.O. 273/97, (?) kepada Setiausaha Admiralty, 13hb November 1878.

34 C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 12hb Disember 1878, terlampir C.J. Irving kepada (?) 9hb November 1878.

35 C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878.

36 C.O. 273/96, kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878.

37 C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878. Lihat juga Emily Innes, *op. cit.*, hal. 110.

38 C.O. 273/96, kenyataan Emily Anne, 27hb Oktober 1878.

39 C.O. 273/98, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 6hb Februari 1879.

Perak, Hugh Low supaya datang ke Dinding menemui mereka ini. Selain dari itu diarahkan juga menghantar sama ada kapal "Fly" atau "Lapwing" dan tinggal di Dinding sehingga keamanan pulih semula.⁴⁰ "Fly tidak dapat ke Dinding kerana membawa Treacher melawat beberapa kawasan di Borneo."⁴¹ Pegawai Pelindong Orang China menerima arahan ini pada pukul 9.00 pagi, 26hb Oktober 1878. Dengan itu pada 27th Oktober 1878 berlepas ke Pulau Pangkor dan tiba pada pukul 4.00 pagi.⁴²

Kaptan J.S. Meade seterusnya mengarahkan kapal "Lapwing" berserta Kaptan Scott ke Dinding.⁴³ "Lapwing" ini diarahkan membantu pegawai-pegawai awam di Dinding.⁴⁴ "Lapwing" bertolak ke Dinding pada 28hb Oktober 1878.⁴⁵

Manakala A.E.H. Anson menyewa kapal "Phya Peket" kepunyaan *Burmah Steamship Company* untuk membawa pegawai Inggeris ke Dinding. "Phya Peket" bertolak dari Pulau Pinang pada pukul 5.00 petang. Bersama-sama di dalam "Phya Peket" ialah Encik Riccard, Penolong Pengguna Polis Pulau Pinang; Encik Karl, penterjemah bahasa China; Maxwell, penolong resident British Perak; James Innes, Pengguna Polis Durian Sebatang dan dua orang mata-mata yang didatangkan dari Pulau Pangkor. Dalam perjalanan "Phya Peket" diarahkan singgah sekejap di Larut untuk mengambil Hugh Low kerana ia juga diarahkan ke Dinding.⁴⁶ Namun demikian Hugh Low tidak ikut serta dalam rompong ke Dinding ini. Hugh Low bertolak pada 28hb Oktober 1878, pukul 3.00 petang dari Matang dan tiba di Dinding pada pukul 11.00 malam. Hugh Low disertai oleh enam orang mata-mata Perak yang dipilih khas, dan di bawah Peterson.⁴⁷

"Phya Peket" diletakkan di bawah pimpinan Kaptan Joyce. "Phya Peket" ke Dinding dan mengambil mayat Kaptan Lloyd, termasuk isterinya dan juga Emily Anne dan dibawa ke Pulau Pinang. "Phya Peket" tiba di Pulau Pinang pada 27hb Oktober 1878.⁴⁸ Mayat Kaptan Lloyd, isteri Kaptan Lloyd yang cedera

40 C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Kaptan Meade, 27hb Oktober 1878.

41 C.O. 273/97, Admiralty kepada (?), 28hb Disember 1878.

42 C.O. 273/96, Pelindong Orang China kepada Pemangku Pengguna Polis Penang, 1hb November 1878.

43 C.O. 273/96, James S. Meade kepada W.F. Robinson, 27hb Oktober 1878.

44 C.O. 273/96, (taligeram), Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Letenan Gabenor Pulau Pinang (t.t.).

45 C.O. 273/97, (?) kepada Setiausaha Admiralty, 13hb November 1878.

46 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878. Juga lihat C.O. 273/96, Hugh Low kepada W.F. Robinson, 1hb November 1878.

47 C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878.

48 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 10hb November 1878. Juga lihat C.O. 273/96, taligeram Letenan Gabenor Pulau Pinang (A.E.H. Anson) kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat (W.F. Robinson) (t.t.).

dan juga Emily Anne dibawa ke hospital Pulau Pinang. Di sini pemeriksaan dijalankan pada 27hb Oktober 1878, pukul 10.45 malam.⁴⁹ Tentang kecederaan Kaptan Lloyd dicatatkan oleh doktor seperti berikut:

Head — one incised wound above and behind the right ear three inches long. This would extended through the skull and penetrated several inches into the brain.

One stab wound over the left eyes, the bone was exposed. Left arm — five punctured wounds on his arm, three of these on the upper, and two on the fore arm. One of the former transfixated the arm across the course of the artery.

Left side of the chest and abdomen — there were four punctured wounds, one of these penetrating into the left lung. On the abdomen were four superficial bruises, and the same number on the lower extremities. There was also a punctured wound on right nates.

The incised wound on the head appeared to have been inflicted by a hatchet, and the punctured wound by a round or sharply pointed nibong spear.⁵⁰

Manakala kecederaan isteri Kaptan Lloyd dilaporkan seperti berikut:

One spear wound under left eye, apparently penetrating into nares, as this wound was closed on the outer surface by dried coagula we did not think it prudent to explore it with a probe — what appeared to me to be the most important injury was a heavy confusion on the left side of the head over the pariebal bone by some heavy blunt instrument, the violence of the stroke having to a certain extent been broken by the presence of the hair. This injury has to a certain extent produced some disturbance to the brain.⁵¹

Seterusnya kecederaan Emily Anne dilaporkan seperti berikut:

Received a heavy incised blow of about three inches in length over the skull, rather inclining to the left side⁵²

Tawaran hadiah sebanyak \$500.00 dikeluarkan kepada sesiapa yang memberi maklumat sehingga tertangkapnya pembunuh Kaptan Lloyd.⁵³ Pada 29hb Oktober 1878 Sin Jan ditangkap oleh mata-mata Perak di bawah James Innes. Kemudiannya sembilan belas orang dari kumpulan di bawah pimpinan Sin Jan telah ditahan dan

49 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878, terlampir laporan Dr. John T. Veitch, 28hb Oktober 1878.

50 Ibid. Kalau didasarkan kepada C.O. 273/96, Tan Keat Seng, 1hb November 1878 Kaptan Lloyd dipukul dengan tukul (hammer) dan ditikam dengan *pronged fork*.

51 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878, terlampir laporan Dr. John T. Veitch, 28hb Oktober 1878.

52 Ibid. Lihat juga Emily Innes, *op. cit.*, hal. 100.

53 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878.

akan dihantar ke Pulau Pinang dengan "H.M.S. Lapwing" pada 1hb November 1879. Selain dari itu pasukan polis Pangkor yang berkhidmat di bawah Kaptan Lloyd akan dihantar ke Pulau Pinang.⁵⁴

Dalam kenyataannya Sin Jan memberi maklumat mengenai kumpulan yang terlibat dalam pembunuhan Kaptan Lloyd. Oleh itu Penolong Pesuruhjaya Polis Peterson, Riccard serta beberapa orang polis memudiki Sungai Dinding dengan kapal "Kinta" untuk menangkap beberapa orang yang disyaki di sini. Apabila tiba di rumah kongsi, mereka sempat melarikan diri. Peterson gagal menangkap mereka yang disyaki tambahan pula Peterson mengarahkan orang-orangnya jangan mengikuti mereka yang telah lari itu. Pasukan ini pulang ke Dinding pada pukul 10.00 pagi.⁵⁵

Sehingga 2hb November 1878, hanya enam orang China ditangkap. Walaupun demikian tidak ada bukti yang kuat menunjukkan bahawa mereka ini terlibat dalam pembunuhan Kaptan Lloyd. Kemudiannya pada pagi Ahad 2hb November 1878 lapan belas orang lagi telah dibawa ke Pulau Pinang dengan kapal "Lapwing".

Dari usaha penyiasatan, polis telah menahan empat puluh orang, dan dari jumlah ini hanya dua puluh orang yang didapati terlibat dalam pembunuhan Kaptan Lloyd. Mereka ini ditangkap dari beberapa daerah yang berlainan. Walaupun demikian pasukan polis masih gagal menangkap Ah Seng⁵⁶ yang pernah bekerja dengan Kaptan Lloyd dan dibuang oleh Kaptan Lloyd. Semua mereka yang terlibat dalam pembunuhan Kaptan Lloyd adalah ahli kongsi gelap Ho Seng.⁵⁷

Manakala melalui kenyataan yang dibuat oleh Tan Keat Seng pihak Inggeris mendapat beberapa nama mereka yang terlibat dalam pembunuhan Kaptan Lloyd. Di antaranya ialah:

| | |
|----------------|--------------------------|
| Tan Ah Yong | Koh Ah Seow |
| Tan Ah Kong | Tan Ah Pow |
| Chuah Teng See | Tan Ah Wong |
| Teoh Ah Soh | Tan Ah Teck |
| Tan Ah Gay | Tan Ah Boon |
| Goh Neoh Poh | Ah Tuah |
| Goh Neoh Pee | Koh Ah See ⁵⁸ |

54 C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878.

55 C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878.

56 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada W.F. Robinson, 2hb November 1878. Lihat juga C.O. 273/96, kenyataan Lim Yean, 27hb Oktober 1878. Juga lihat C.O. 273/96, Pelindong Orang China kepada Pemangku Penguasa Polis Pulau Pinang, 1hb November 1878.

57 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada W.F. Robinson, 2hb November 1878. Juga lihat C.O. 273/96, kenyataan Lim Yean, 27hb Oktober 1878.

58 Nama dan ejaan didasarkan kepada C.O. 273/96, kenyataan Tan Keat Seng, 1hb November 1878.

Dengan itu waran dikeluarkan untuk menangkap mereka yang tersebut di atas.⁵⁹ Koh Ah See dapat dikesani di mana beliau bersembunyi di Kedah. Dengan bantuan Sultan dan pegawai-pegawai kerajaan Kedah, terutamanya saudara Sultan Kedah, Tengku Yusof, Koh Ah See ditangkap dan dibawa ke Mahkamah di Penang. Walau-pun demikian tidak ada bukti-bukti yang jelas dapat menyokong bahawa Koh Ah See terlibat dalam pembunuhan Kaptan Lloyd. Namun demikian A.E.H. Anson, Leftenan Gabenor Pulau Pinang memperakui kepada kerajaan bahawa Koh Ah See disyaki benar-benar terlibat. Dengan itu Koh Ah See dibuang dari Negeri-Negeri Selat di bawah *Peace Preservation Ordinance*. Padahal ordinan hanya boleh dikuatkuasakan ke atas mereka yang benar-benar terlibat dalam kekacauan.⁶⁰

Mereka yang ditahan atas tuduhan terlibat dalam pembunuhan Kaptan Lloyd dibicarakan di Pulau Pinang pada hari Rabu 15hb Januari 1879 hingga Selesa 21hb Januari 1879. Mereka yang dituduh dibela oleh Thomas, seorang peguam di Pulau Pinang. Dalam perbicaraan yang diadakan ini, Tan Ah Teck didapati bersalah oleh juri dengan enam kadar satu.⁶¹ Seterusnya Ketua Hakim membuat perakuan bahawa hukuman bunuh yang dijatuahkan ke atas mereka yang terlibat akan dilaksanakan.⁶² Hukuman gantung dijalankan di Pulau Pinang dalam bulan Februari 1879.⁶³ Namun demikian Tan Ah Teck dipenjarakan dan "hukuman bekerja seumur hidup". Beliau mati di dalam penjara.⁶⁴

Pentadbiran Dinding kemudiannya diletakkan buat sementara di bawah Bruce, Penolong Pesuruhjaya Polis Perak, dan dibantu oleh dua puluh orang polis Sikh.⁶⁵

Tentang motif pembunuhan Kaptan Lloyd dua persoalan boleh ditimbulkan. Pertama apakah pembunuhan itu berpunca dari motif rompakan? Keduanya apakah ada unsur-unsur politik dalam pakatan pembunuhan itu? Memang tidak dinafikan bahawa dalam serangan ke atas rumah Kaptan Lloyd mereka mengambil barang-barang berharga dan wang. Tetapi persoalannya, kalau motif mereka untuk merom-

59 Ibid. Lihat juga C.O. 273/96, Pelindong Orang China kepada Pemangku Penguasa Polis Penang, 1hb November 1878.

60 Ordinan ini sebenarnya "... only be enforced in the case of actual disturbance." C.O. 273/99, A.E.H. Anson kepada Michael Hicks Beach, 10hb Jun 1879.

61 C.O. 273/98, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 6hb Februari 1879. Lihat juga C.O. 273/98, P.J. Prilgreaves (?), Ketua Hakim kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat (W.F. Robinson), 24hb Januari 1879.

62 C.O. 273/98, P.J. Prilgreaves (?) kepada W.F. Robinson, 24hb Januari 1879.

63 W. Blythe, *op. cit.*, hal. 253.

64 Emily Innes, *op. cit.*, hal. 123.

65 C.O. 273/98, William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 6hb Februari 1879. C.O. 273/96, C.J. Irving, Penolong Setiausaha Kolonial kepada Residen British Perak, 28hb November 1878. C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 12hb Disember 1878, terlampir Hugh Low, Residen British Perak kepada Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat, Singapura, 18hb November 1878; juga terlampir C.J. Irving kepada (?), 9hb November 1878. C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 12hb Disember 1878.

pak kenapa mereka membunuh Kaptan Lloyd dan mencederakan isteri Kaptan Lloyd serta Emily Anne? Padahal Kaptan Lloyd tidak memegang senjata atau cuba melawan mereka.

Dari sini memberi suatu gambaran bahawa serangan ke atas rumah Kaptan Lloyd bukan semata-mata disebabkan oleh motif rompakan sebagaimana yang di-sarankan oleh Hugh Low⁶⁶ dan Emily Innes.⁶⁷ Pandangan ini diutarakan kerana kalau didasarkan kepada Leftenan Gabenor Pulau Pinang A.E.H. Anson beliau mempercayai bahawa pembunuhan Kaptan Lloyd ada kaitan dengan pemecatan Ah Seng oleh Kaptan Lloyd pada 18hb Oktober 1878⁶⁸ dan mempunyai hubungan dengan pekerja-pekerja Ladang Tooth.⁶⁹

Manakala Gabenor Negeri-Negeri Selat W.F. Robinson mempercayai bahawa pembunuhan itu ada kaitan dengan pekerja di Ladang Tooth.⁷⁰ Juga kemungkinan keterlibatan pekerja lama dan baru di Ladang Yengarie.⁷¹ Wujudnya hubungan tidak baik ini kerana Encik Tooth tidak dapat membayar gaji pekerja-pekerjanya. Banyak dari mereka diberhentikan dan dihantar ke Pulau Pinang.⁷² Bermakna di sini sudah ada rasa tidak puashati di kalangan mereka yang terlibat kepada orang Inggeris. Di samping itu sikap Kaptan Lloyd yang menyebabkan berlaku kelewatan pemberian kebenaran (permit) dan pas untuk menjalankan sesuatu pekerjaan menimbulkan rasa tidak puashati orang-orang China terhadap Kaptan Lloyd. Dengan ini bermakna hubungan Kaptan Lloyd dengan pekerja-pekerja China tidak mesra.⁷³

Begitu juga dengan Karl dan Riccard yang ditugaskan menyiasat pembunuhan Kaptan Lloyd ini mencurigai bahawa pembunuhan ini dilakukan oleh Sin Jan, salah seorang anggota kongsi gelap Ho Seng. Ada di antara pekerja Ladang Tebu Lumut dan anggota kongsi gelap Ho Seng dibuang kerja. Sin Jan, kontrektor di Ladang Tebu Lumut. Beliau mempunyai enam puluh orang pekerja di bawahnya.

66 C.O. 273/96, Hugh Low kepada W.F. Robinson, 1hb November 1878.

67 Emily Innes, *op. cit.*, hal. 117-118.

68 C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 30hb Oktober 1878. C.O. 273/96, taligeram, Leftenan Gabenor Pulau Pinang kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat. (t.t.) C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878. C.O. 273/96, Hugh Low kepada W.F. Robinson, 1hb November 1878. C.O. 273/96, kenyataan Lim Yean, 27hb Oktober 1878.

69 C.O. 273/96, taligeram, Leftenan Gabenor Pulau Pinang kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, (t.t.).

70 C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 30hb Oktober 1878. C.O. 273/96, taligeram Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Leftenan Gabenor Pulau Pinang, (t.t.).

71 C.O. 273/96, A.E.H. Anson kepada Setiausaha Kolonial, 28hb Oktober 1878.

72 C.O. 273/97 (?) kepada Setiausaha Admiralty, 13hb November 1878.

73 C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 12hb Disember 1878, terlampir Hugh Low kepada Setiausaha Negeri-Negeri Selat, Singapura, 18hb November 1878.

Timbulnya kecurigaan ini kerana Sin Jan dan pekerja-pekerjanya yang sepatutnya pulang ke Pulau Pinang tetapi tidak pulang. Padahal tambang mereka dibiayai oleh kerajaan.⁷⁴ Sin Jan ialah ketua kongsi gelap Ho Seng (Ho Seng Society).⁷⁵ Kongsi gelap Ho Seng menguasai kawasan dari pantai Krian, Perak hingga ke Kuala Bernam, dan sangat berkuasa di Dinding.⁷⁶

Sin Jan sememangnya mempunyai perasaan benci terhadap British. Timbulnya kebencian ini kerana ramai di antara pekerja-pekerja di bawahnya yang bekerja di Ladang Tebu Lumut diberhentikan oleh orang Inggeris. Tentang sikap Sin Jan boleh dilihat dari petikan berikut:

..... if the white men did such things not one of them would be alive in the country.⁷⁷

Malah mereka pernah bercadang menyampaikan rasa tidak puashati ini kepada kerajaan Negeri-Negeri Selat. Hubungan pekerja-pekerja China dengan Inggeris juga tidak baik kerana ramai di antara pekerja-pekerja China yang bekerja di Ladang Tebu Lumut kepunyaan orang Inggeris tidak dibayar gaji dan diberhentikan. Pernah dilaporkan bahawa mereka bersedia untuk membuat tentangan terbuka terhadap Inggeris. Oleh itu dari apa yang telah dibincangkan dapatlah dirumuskan bahawa pembunuhan itu dilakukan kerana mereka tidak puashati terhadap Kaptan Lloyd dan juga untuk mengambil wang dari rumah Kaptan Lloyd.

74 C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878.

75 C.O. 273696, William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 12hb Disember 1878, terlampir Hugh Low kepada Setiausaha Negeri-Negeri Selat, Singapore, 18hb November 1878.

76 Ibid. Lihat juga W. Blythe, *op. cit.*, hal. 253.

77 C.O. 273/96, Hugh Low kepada Setiausaha Kolonial, 1hb November 1878.

SINGKATAN

C.O. — Colonial Office Records

t.t. — Tanpa tarikh